



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

INISIATIF BANTUAN TUNAI KERAJAAN NEGERI SABAH MELALUI SYUKUR

Kerajaan Madani terus komited untuk melaksanakan pelbagai strategi dan pendekatan dalam menangani isu kos sara hidup rakyat termasuk melalui pemberian bantuan tunai. Antaranya, melalui Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA). Untuk tahun 2025, sebanyak RM13 bilion diperuntukkan untuk program STR dan SARA, iaitu peningkatan RM3 bilion berbanding tahun 2024. Daripada jumlah tersebut, RM8 bilion diperuntukkan untuk STR manakala RM5 bilion pula untuk pelaksanaan SARA.

Pemberian bantuan melalui STR dan SARA akan memberi manfaat kepada 5.4 juta penerima berpendapatan rendah khususnya dalam senarai e-kasih daripada kategori isi rumah, warga emas tanpa pasangan dan golongan bujang. Ini merangkumi lebih 120,000 penerima di negeri Sabah dan 110,000 penerima di negeri Sarawak.

Dalam masa yang sama, selain usaha di peringkat Kerajaan Persekutuan, saya juga ingin menzahirkan penghargaan terhadap Kerajaan-Kerajaan Negeri yang melaksanakan program khusus untuk membantu rakyat menangani kos sara hidup. Bantuan tunai oleh Kerajaan Negeri sudah tentulah akan memberi nilai tambah kepada rakyat dalam usaha membantu mengatasi isu kos sara hidup.

Sebagai contoh, pelaksanaan program Sentuhan Kasih Rakyat Sabah (SYUKUR), iaitu program pemberian bantuan tunai yang diperkenalkan oleh kerajaan negeri Sabah untuk membantu golongan yang memerlukan, khususnya mereka yang tergolong dalam kategori miskin dan miskin tegar. Melalui program ini, penerima yang layak akan diberikan bantuan tunai berjumlah RM300 sebulan yang akan diberikan secara berkala sama ada dikreditkan ke dalam akaun bank, akaun aplikasi e-Wallet YONO atau secara tunai melalui kaunter yang ditetapkan. Untuk tahun 2025 ini, disasarkan seramai 100,000 penerima dalam kalangan ketua isi rumah miskin dan miskin tegar akan mendapat manfaat daripada pelaksanaan program SYUKUR ini. Bagi fasa pertama (Januari hingga Mac 2025), seramai 72,039 ketua isi rumah telah disenaraikan menerima bantuan tunai SYUKUR di seluruh Sabah termasuk 1,544 ketua isi rumah dalam Parlimen Papar.

Pemberian bantuan tunai merupakan salah satu bentuk ekosistem perlindungan sosial bersasar yang mempunyai impak langsung kepada penerima. Ini kerana ia memberi fleksibiliti kepada penerima dalam mengatur atau menentukan sendiri perbelanjaan sama ada bagi kegunaan membeli barangan keperluan seperti makanan, pendidikan dan perkhidmatan mengikut keperluan semasa isi rumah.

Perkara ini turut disokong oleh laporan “Ranjau Sepanjang Jalan” yang dikeluarkan oleh *United Nations Children’s Fund* (UNICEF) pada Mei 2024 yang melakukan tinjauan tentang impak kos sara hidup pasca pandemik terhadap isi rumah berpendapatan rendah di Kuala Lumpur. Antara dapatan utama laporan tersebut yang terkait dengan bantuan tunai:

- i. “Bantuan tunai dan kawalan harga barang makanan dianggap polisi sedia ada yang paling bermanfaat untuk isi rumah.”
- ii. “Inisiatif bantuan tunai dan kawalan harga barangan makanan asas dikenal pasti sebagai satu mekanisme sokongan yang berkesan, yang sangat dialu-alukan oleh isi rumah sebagai langkah utama untuk meringankan beban kewangan.”
- iii. “Penyaluran bantuan tunai langsung memberikan kelegaan segera, yang menawarkan fleksibiliti untuk mereka menyediakan peruntukan mengikut keperluan yang paling mendesak.”

Dalam menangani isu kos sara hidup rakyat, Kerajaan melalui Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) telah melaksanakan pendekatan serampang dua mata (*two-pronged strategy*), iaitu bukan sahaja dengan mengawal kenaikan harga barang, tetapi usaha untuk meningkatkan pendapatan rakyat. Selain pemberian bantuan tunai, pelaksanaan program seperti Program Sejahtera Komuniti MADANI (SejaTi MADANI) dan Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) merupakan usaha di bawah Kerajaan MADANI dalam membantu rakyat untuk menjana pendapatan.

YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI

Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

Papar, Sabah
27 Februari 2025

###